

16/04/2002

NGO perlu profesional tarik penderma tempatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kakitangan Badan Bukan Kerajaan (NGO) diminta bersikap profesional bagi menarik penderma tempatan menderma kepada pertubuhan mereka terutama dalam kegawatan ekonomi.

Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (YAM), Marina Mahathir, berkata.

Katanya, sikap tidak profesional kakitangan NGO menyebabkan penderma tidak berminat menyalurkan bantuan.

"Pekerja sosial yang mengendalikan kutipan untuk dana masing-masing perlu teliti dan menggunakan format yang betul ketika menyediakan dokumen dan surat menyurat untuk menarik penderma terutamanya syarikat korporat.

"Ini penting untuk meyakinkan penderma bahawa setiap bantuan yang disalurkan akan diselenggarakan dengan sistematik dan profesional," katanya ketika menyampaikan ucapan di pelancaran Persidangan Dana Asia Pasifik ke-10, di sini, hari ini.

Pelancaran dilakukan isteri Menteri Pengangkutan, Datin Seri Ena Ling.

Marina berkata, pengendali dana juga perlu bertanggungjawab selain sentiasa memaklumkan kepada penderma mengenai kegiatan yang dijalankan pertubuhan masing-masing.

Katanya, langkah itu bertujuan meyakinkan penderma di samping mengekalkan hubungan baik bagi memastikan penderma terus menjadi penyumbang pada masa depan.

"Semua langkah berkenaan di praktikkan YAM bagi meyakinkan penderma terutama syarikat korporat untuk terus menderma dan bekerjasama dengan kami untuk mengumpul dana membantu pesakit dan pengidap HIV/Aids di negara ini," katanya.

Persidangan itu dihadiri 185 peserta dari 20 negara bagi membincangkan langkah menggerakkan sumber tempatan menyalurkan derma berikutan kegawatan ekonomi.

Persidangan itu dianjurkan bersama Yayasan Nanyang Press dengan kerjasama The Resource Alliance.

Antara negara yang mengambil bahagian adalah Australia, Bangladesh, Kemboja, China, Hong Kong, Korea, Malaysia, Mexico dan Nepal.

Peserta persidangan terdiri daripada sukarelawan, pengarah dan kakitangan kanan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi penderma, pekerja sosial dan profesional dalam bidang berkaitan dana.

(END)